

**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Jabatan Perdana Menteri**

Kajian Persepsi Perhubungan Kaum di Malaysia

**Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia**

PASUKAN KAJIAN :

Profesor Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin (Penyelaras Kajian)
Prof Dr Mansor Mohd Noor (Ketua Kajian)
Datuk Dr Denison Jayasooria (Ahli)
Dato Taip Abu (Ahli)
Anis Yusal Yusoff (Ahli)
Prof Madya Dr Ong Puay Liu (Ahli)
Dr Nur Idayu Mahat (Ahli)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian Persepsi Perhubungan Kaum Di Malaysia

1. PENGENALAN

Hubungan kaum di Malaysia adalah dinamik. Semenjak mencapai kemerdekaan 52 tahun dahulu, hubungan kaum didapati adalah baik. Namun begitu ada juga berlaku beberapa ketegangan sosial di antara etnik yang berakhir dengan konflik. Ketegangan dan konflik ini lebih diperhatikan berlaku di kawasan bandar berbanding dengan kawasan luar bandar dan di kawasan golongan berpendapatan rendah jika dibandingkan dengan kawasan bandar yang berada.

Dengan pola ketegangan dan konflik sosial yang sedemikian, mengukur persepsi hubungan etnik adalah penting bagi menjamin kestabilan dan pembangunan negara ini. Namun begitu, akhir-akhir ini, persepsi masyarakat terhadap hubungan kaum di Malaysia agak negatif. Ini terbukti dengan laporan di dada akhbar dan terutamanya di alam maya kebelakangan ini berkaitan isu-isu etnik dan agama yang dibahaskan tanpa mengira kesan ke atas pelbagai kumpulan dalam masyarakat yang mempunyai tahap toleransi dan sensitiviti yang berbeza-beberbeza itu. Pergerakan sosial sukarelawan dan ahli-ahli politik juga didapati tidak dapat membebaskan diri mereka dari memutar-belit isu-isu keetnikan dan keagamaan ini hingga mengugat perpaduan, kestabilan dan kemajuan negara.

2. OBJEKTIF KAJIAN

- 2.1 Mengenalpasti pola persepsi perhubungan kaum dalam masyarakat
- 2.2 Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi hubungan kaum di kalangan masyarakat
- 2.3 Mencadangkan tindakan bagi mempertingkatkan dan memperkuuhkan lagi hubungan kaum di negara ini

3. PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Hubungan kaum adalah sentiasa dinamik. Tahap hubungan kaum boleh bergerak dari baik hingga wujud ketegangan dan dalam kes tertentu mencetuskan konflik atau pun boleh kendur kembali hingga lahir kestabilan politik dan pembangunan. Kedinamikan kaum ini boleh dibaca, di antara lain, melalui perubahan persepsi masyarakat terhadap kaum-kaum lain di dalam masyarakat.

4. METODOLOGI KAJIAN

- 4.1 Kajian dijalankan di 10 negeri iaitu Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Johor, Sarawak dan Sabah.
- 4.2 Keutamaan diberikan di kawasan Skim Rukun Tetangga
- 4.3 2400 responden terlibat
- 4.4 Dimensi bandar-desa, etnik, umur, jantina, pendidikan, pekerjaan dan pendapatan adalah di antara pemboleh ubah utama yang dijadikan kerangka pemilihan responden
- 4.5 Mengedar borang soal selidik dan 5 Instrumen Pengukuran digunakan :
 - a) Mengukur ciri keetnikan, kestabilan dan kemajuan
 - b) Mengukur batas etnik
 - c) Mengukur tahap toleransi etnik
 - d) Mengukur tingkah laku perhubungan kaum
 - e) Mengukur persepsi terhadap ekonomi, politik dan urus tadbir negara

5. HASIL KAJIAN

5.1 Maklumat Asas Kajian

- a) Terdapat perbezaan di antara kumpulan etnik disebabkan keunikan etnik itu sendiri. Terdapat juga perbezaan sosial yang tidak bersifat etnik seperti pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan status sosial seseorang itu.

- b) Tanggapan tentang masalah hidup masyarakat, dari peringkat masalah harian, kawasan setempat, negara, kaum etnik sendiri lebih bersifat dimensi non-etnik daripada khususnya etnik.
- c) Persepsi hubungan tidak mesra di kalangan orang India dan Melayu perlu diurus. Akhir-akhir ini banyak berlaku ketegangan yang melibatkan individu Melayu sebagai berkumpulan, peringkat komuniti atau pun dengan jentera kerajaan seperti Polis dan perkidmatan awam.
- d) Responden bersandar dengan sumber arus perdana seperti TV, akhbar dan astro. Masing-masing etnik mahu Bahasa ibunda mereka dikuasai tetapi Bahasa Melayu dan Inggeris adalah Bahasa pertuturan mereka.
- e) Di Semenanjung lebih berwaspada dengan perkahwinan campur. Melayu dan Bumiputra lebih terbuka mengamalkannya.
- f) Kesimpulannya, persepsi responden bukan bersifat perbezaan etnik tetapi lebih ke arah perbezaan sosial.

5.2 Hubungan antara etnik

- a) Hubungan dalam urusan hidup dalam masyarakat tidak dipengaruhi oleh perbezaan etnik jika dibandingkan dengan urusan kekeluargaan dan agama yang lebih bersifat peribadi, kekeluargaan dan agama.
- b) Etnik Melayu didapati paling eksklusif interaksi mereka dengan individu dari etnik lain. Golongan etnik dari Sarawak dan Sabah lebih ekslusif dalam interaksi mereka dengan ahli dari kumpulan etnik lain.

5.3 Mengurus Tadbir Masyarakat

- a) Kebebasan berakhbar, beragama, demokrasi, rasuah, jenayah dan sistem pengangkutan awam didapati tidak diurus dengan baik.
- b) Prestasi PBT dan PDRM disangsi kebaikannya.
- c) Pengagihan hasil pembangunan tidak adil dan ekonomi negara dan negeri adalah lembab.
- d) Prestasi jentera kerajaan didapati baik, sentiasa menghormati hak asasi rakyatnya dan dasar ekonomi negara didapati telah Berjaya melibatkan diri rakyat dalam kegiatan industri, perdagangan dan perniagaan.

- e) Perlu diimbangi mengikut pelbagai kaum, hukuman berat diberikan kepada penerima dan pemberi rasuah.

5.4 Tahap Keetnikan, Kestabilan dan Kemajuan

- a) Agama, Bahasa, budaya dan kekeluargaan sangat diutamakan tetapi tidak pula memiliki budaya yang melahirkan kekecohan dalam masyarakat, anti peraturan negara, dan kegiatan yang membawa kepada ekstrisme dan keganasan.
- b) Responden lebih mengutamakan kestabilan dalam masyarakat, perpaduan dan kemajuan negara sekaligus menunjukkan keetnikan bukan punca pemisah.

5.5 Batas Etnik

- a) Responden mengorbankan kepentingan pilihan etnik jika dibandingkan dengan motivasi untuk memiliki material, status sosial dan ikatan sosial.

5.6 Toleransi Etnik

- a) Tahap toleransi etnik adalah sangat baik.

5.7 Rukun Tetangga dan Hubungan etnik

- a) Rukun Tetangga sebagai teras perpaduan memang didapati sangat bermanfaat dalam mewujudkan perpaduan dan integrase nasional di negara ini
- b) Tanggapan sangat baik tentang pencapaian hubungan etnik di negara ini

6. KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

Hubungan etnik adalah baik tetapi persepsi bermasalah. Punca masalah bukan terletak pada perbezaan etnik tetapi bagaimana ekonomi dan politik diuruskan dengan adil merentas golongan sosio-ekonomi dan kumpulan etnik. Urus tadbir dan manipulasi media dan politik perlu diatasi.